

SYEIKH ABDULLAH FAHIM – SEORANG ULAMAK YANG DINAMIS

Sohana Abdul Hamid
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
sohana@kuis.edu.my

ABSTRAK

Ulama yang mempunyai pandangan serta wawasan jauh dari Seberang Prai, Pulau Pinang itu ialah Tuan Guru Sheikh Abdullah bin Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Sheikh Haji Abdullah Fahim. Beliau adalah seorang tokoh ulama dan pendidik yang gigih serta banyak menabur jasa yang besar terhadap perkembangan Islam dan kemajuan sosial serta politik di negara ini. Syeikh Abdullah Fahim yang cintakan ilmu pengetahuan yang seimbang antara duniawi dengan ukhrawi. Ia juga membuktikan betapa Tuan Guru Haji Abdullah Fahim seorang ulama yang memiliki pemikiran yang terbuka serta tidak terkongkong sifatnya. Ilmu, sama ada bagi kepentingan dunia atau akhirat, didalaminya bagi kepentingan serta masalah umat Islam. Semangat ingin mempelajari pelbagai ilmu, termasuk kepimpinan, kemasyarakatan dan politik membuktikan beliau bukanlah seorang ulama yang statik. Sebaliknya ia membuktikan sifat ulama yang dinamis.

Kata Kunci: *Abdullah Fahim, Ulama, politik*

PENGENALAN

Ulamak yang ingin saya perkenalkan ini merupakan seorang ulamak yang dinamis. Dengan keistimewaan beliau sebagai seorang anak ulamak Mekah, Haji Abdullah telah mengambil kesempatan untuk mempelajari pelbagai ilmu agama disana sehinggakan gurunya dikatakan mencecah seramai 50 orang. Kecintaan beliau terhadap ilmu agama menjadikan beliau seorang cendekiawan yang disegani dalam pelbagai bidang agama seperti usulludin, fiqh, tasawuf dan terekat, tafsir al-quran, hadis, falak serta ilmu yang berkaitan dengan bahasa dan sastera Arab seperti nahu, arudh dan qafiah. Semasa di Mekah, Abdullah Fahim telah berguru dengan 15 orang Ulamak untuk membolehkan beliau menguasai pelbagai disiplin ilmu. Guru- guru beliau yang berbangsa Arab termasuklah Syeik Said Babsail (Mufti Mazhab Syafie), Syeikh Muhammad bin Sulaiman hasbullah al-Makki, Syed Abu Bakri Syatha (Penyusun kitab I'anah at-Thalibin).

Sheikh Abdullah Fahim juga adalah tokoh negarawan merupakan ulama terkenal Tanah Melayu dan mufti pertama Pulau Pinang. Oleh itu, apabila berbicara mengenai seorang pejuang agama yang dikenang-nilaikan dan diabadikan namanya dalam sekian banyak media meliputi buku, majalah, risalah ataupun monumen yang dibina meliputi sekolah dan taman perumahan maka tidak syak lagi bahawa Syeikh Abdullah Fahim adalah orangnya yang disebut-sebut oleh segenap masyarakat yang sentiasa menghargainya, menyayangnya dan menyanjunginya sebagai seorang tokoh cendekiawan yang masih tiada gantinya sehingga kini. Walaupun sebutir permata yang pernah menerangi hati nurani bangsanya telah tiada tetapi obor ilmunya sentiasa menyala yang menjadi pendorong kepada anak watan meneruskan perjuangan yang telah diwariskan itu.

BIODATA

Tuan Guru Haji Abdullah bin Ibrahim (Abdullah Fahim) dilahirkan di Kampung Sha'ab Ali, Makkatul Mukarramah pada tahun 1286 Hijrah bersamaan 1869 Masehi. Bapanya Syeikh Ibrahim bin Tahir berasal dari Kubur Panjang, Kedah dan merantau ke Makkah menjadi guru Al Quran di Masjidil Haram. Datuknya, Haji Tahir berasal dari Pattani. Syeikh Abdullah Fahim dibesarkan di Makkah dalam suasana ilmu keagamaan dan berdampingan dengan ramai ulamak. Syeikh Abdullah Fahim seorang kanak-kanak yang pintar dan begitu meminati sebarang ilmu yang diajarkan kepadanya. Ini dibuktikan dengan kejayaan cemerlang beliau menguasai bukan sahaja ilmu-ilmu agama secara khusus seperti fiqah, tauhid, usulludin, tafsir al-Quran dan sebagainya tetapi ilmu-ilmu lain yang turut dipelajari seperti kesusasteraan Arab, mantiq, ilmu hisab dan ilmu falak. Beliau telah berguru kepada kira-kira 42 orang ulamak di Makkah dan di Madinah. Abdullah bin Ibrahim bin Tahir dipanggil dengan nama Haji Abdullah Pak Him. Pak Him adalah singkatan nama ayahnya, Ibrahim. Nama atau gelaran yang diketahui umum ialah Syeikh Abdullah Fahim. Fahim yang dimaksudkan disini ialah 'faham' yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud 'orang yang faham'. Sheikh Haji Abdullah Fahim atau lebih dikenali juga dengan panggilan "Tok Ngah Lah" di kalangan penduduk Kepala Batas. Beliau dilahirkan di Mekah pada tahun 1286 Hijrah/1869 Masihi, dan wafat pada 12 Zulkaedah 1380Hijrah/ 27 April 1961 Masihi dalam usia 92 tahun di Seberang Perai, Pulau Pinang.

Abdullah Fahim mendapat pendidikan asas tradisional daripada ayahnya, Haji Ibrahim bin Tahir di Mekah. Ayahnya seorang yang alim mengenai bacaan AL Quran, manakala datuknya pula Haji Tahir memahami banyak ilmu-ilmu Islam tradisional cara Patani. Abdullah Fahim juga mendapat pendidikan dalam pelbagai bidang ilmu di Mekah. Mengikut sejarah, Sheikh Ibrahim dan anaknya, Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim pernah dilantik sebagai ahli lembaga Masjid alHaram. Sewaktu berada di Mekah, Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim mengambil kesempatan mempelajari ilmu politik Islam dan antarabangsa. Usahanya yang istiqamah itu menghasilkan kejayaan yang terpuji. Beliau mempunyai kelulusan dalam lebih daripada 15 bidang ilmu Islam. Kemahiran utama Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim adalah dalam bidang ilmu falak dan kesusasteraan Arab. Ulama dari dunia Melayu yang menjadi gurunya yang paling berpengaruh baginya ialah Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fathani (penyusun kitab *Mathla' al-Badrain*), Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutun, al-Kalantani (penyusun *Al-Jauhar al-Mauhub* dan *Lum'ah al-Aurad*) dan Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani (pengasas pengkaderan ulama dunia Melayu di Mekah yang dikatakan mempunyai kemahiran sekurang-kurangnya 47 disiplin ilmu).

Ilmu falak sebenarnya ada kaitan dengan sains, manakala ilmu sastera (Arab) pula ada pertaliannya dengan seni dan jiwa manusia mengharungi kehidupan ini. Daripada dua jurusan yang dikuasai oleh Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim itu ternyata bahawa beliau memiliki ilmu yang seimbang antara jasmani dengan rohani, dunia dengan akhirat.

Sesungguhnya semangat perjuangan begitu kental yang sentiasa wujud dalam dirinya itulah yang dibawa oleh Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim sehingga beliau sampai ke Tanah Melayu dan bermastautin di Pulau Pinang. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan seorang gadis Melayu yang pernah tinggal di Mekah. Hasil perkongsian hidup itu, beliau dianugerahi dua cahaya mata iaitu Ahmad Ghazali dan Ahmad yang kemudiannya dikenali di Malaysia dengan nama Ahmad Badawi iaitu bapa kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi, seorang tokoh politik negara dan mantan Perdana Menteri Malaysia kelima. Demikianlah suatu warisan yang amat berharga yang sedang dirasai oleh

seluruh rakyat di negara ini, khususnya umat Islam, hasil daripada jasa dan bakti Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim.

Ketokohnya dalam bidang pendidikan tidak ada tolok bandingnya, malahan di peringkat awal kerjayanya, Sheikh Haji Abdullah Fahim pernah menjadi guru di Masjid al-Haram dengan mengajar ilmu falak, usuluddin, tafsir al-Quran dan hadis. Ramai antara pelajar yang mengikuti kuliahnya itu datang dari alam Melayu, termasuk Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei, Sumatera, Jawa, Filipina, Pattani, Thailand. Bahkan, ada juga muridnya yang datang dari Arab, India dan China.

Dalam kehidupan sehariannya, Sheikh Haji Abdullah Fahim adalah seorang yang mudah sekali bergaul mesra dan amat disenangi oleh penduduk setempat yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum. Pernah dikatakan bahawa pekedai-pekedai di sekitar Pulau Pinang biasanya berasa amat bertuah sekiranya Sheikh Haji Abdullah Fahim masuk ke kedai mereka tetapi akan berasa bimbang sekiranya barang di kedai mereka itu dikatakannya mahal, maka alamatnya jualan pekedai itu pada hari itu akan merosot. Begitulah pula sebaliknya pekedai selalu berharap Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim akan masuk ke kedai mereka kerana kehadirannya menjadi petanda bahawa jualan mereka pada hari itu akan laris. Itulah antara keistimewaan yang dimiliki oleh Sheikh Haji Abdullah Fahim yang merupakan seorang wali yang amat dihormati oleh penduduk Pulau Pinang, terutamanya di Seberang Prai dan Kepala Batas.

Sheikh Abdullah Fahim menghembuskan nafasnya yang terakhir pada jam 8.00 pagi, 28 April 1961 di rumah pusaknya di Kepala Batas. Almarhum meninggalkan seorang anak iaitu Ahmad Badawi dan beberapa orang cucu, di antaranya ialah pemimpin negara kita yang dikasihi, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

SUMBANGAN/ JASA

Guru

Syeikh Abdullah Fahim seorang yang gigih mengajar kepada masyarakat dan menyebarkan ilmu-ilmu keislaman samaada ketika menjawat jawatan Mufti Pulau Pinang atau sebelumnya. Beliau pernah mengajar di beberapa tempat di Kedah, Kuala Kangsar, Perak dan Pulau Pinang dan beliau juga telah mendirikan sekolah agama di Seberang Perai.

Pada 1921, Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim kembali ke Tanah Melayu. Sekembalinya ke tanah air, beliau terus aktif mengajar agama kepada pelajar tempatan di rumah pusaknya di Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang. Tidak berapa lama selepas itu, beliau dijemput menjadi guru agama di Pondok Tuan Haji Wan Sulaiman Sidik yang terletak di Kampung Limbong Kapal, Alor Setar, Kedah. Sewaktu di Kedah, Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim diberi penghormatan yang tinggi oleh pemerintah negeri itu. Pada masa itu, beliau dilantik sebagai guru agama kepada Sultan Kedah sendiri. Pelantikannya itu merupakan salah satu daripada kemuncak pencapaiannya yang tinggi dalam bidang pendidikan Islam.

Selama empat tahun di Kedah, Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim berpeluang mendalami bahasa Melayu. Beliau sebenarnya lebih mahir berbahasa Arab kerana lahir dan dibesarkan di Mekah.

Dengan kemahiran yang dimiliki itu menyebabkan beliau cepat mengadaptasi suasana tempatan, khususnya mengenai adat resam di Kedah ke dalam dirinya. Kemahiran itu juga membuka laluan lebih luas kepada beliau untuk menimba pengalaman dalam bidang urusan agama serta politik tempatan kerana ketika itu. Beliau sentiasa berpeluang berdamping dengan Tuanku Sultan Kedah dan kalangan pemimpin negeri itu mendalami bahasa Melayu. Beliau sebenarnya lebih mahir berbahasa Arab kerana lahir dan dibesarkan di Mekah. Dengan kemahiran yang

dimiliki itu menyebabkan beliau cepat mengadaptasi suasana tempatan, khususnya mengenai adat resam di Kedah ke dalam dirinya. Kemahiran itu juga membuka laluan lebih luas kepada beliau untuk menimba pengalaman dalam bidang urusan agama serta politik tempatan kerana ketika itu beliau sentiasa berpeluang berdamping dengan Tuanku Sultan Kedah dan kalangan pemimpin negeri itu.

Pada tahun 1925, Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim kembali semula ke kampungnya di Kepala Batas, Pulau Pinang. Sekembalinya beliau meneruskan usaha untuk mengajar agama kepada pelajar tempatan di anjung rumah pusakanya di situ. Pada masa itu, ada lima pelajarnya yang tetap. Antara mereka ialah Sheikh Abu Bakar Baqir, Ustaz Haji Abdul Halim Hadi dan Haji Ghazali. Apabila murid-murid semakin ramai, tempat pengajian itu pun dipindahkan ke Masjid Kepala Batas yang terletak berhadapan dengan rumahnya.

Pada 1931, baginda Sultan Perak, Sultan Idris telah menjemput Sheikh Haji Abdullah Fahim untuk menjadi mudir (pengetua) di Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar yang masyhur itu. Pelantikan itu dibuat bagi menggantikan Sheikh Abdullah Maghribi, seorang ulama terkenal yang bersara daripada jawatan itu. Seiring itu, ramai pula murid Tuan Guru Sheikh Abdullah Fahim yang belajar di Kepala Batas sebelum itu ikut berpindah bersama-sama beliau ke Kuala Kangsar, Perak dan akhirnya ramai daripada mereka turut menjadi guru di situ. Sepanjang perkhidmatannya sebagai mudir di Madrasah Idrisiah, beliau telah berjaya melahirkan ramai tokoh agama dan pendidikan yang berkaliber. Antara mereka itu termasuklah Sheikh Abu Bakar Baqir, Sheikh Abdul Halim Hadi dan lain-lain.

Sesudah beberapa tahun di Perak, Sheikh Abdullah Fahim kembali ke Pulau Pinang dan meneruskan semula kuliah agamanya di Masjid Kepala Batas sementara menunggu siapnya sekolah agama yang baru didirikan dan dikenali sebagai Daeratul Maarif Al-Wataniah (DMW). Pembinaan sekolah ini dibiayai sepenuhnya oleh derma orang ramai dan pemberian zakat umat Islam. Sekolah berkenaan terletak bersebelahan masjid tanah pusaka keluarga Sheikh Abdullah Fahim yang sekarang ini dikenali sebagai Masjid al-Aljamiat al-Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Pada masa itu tidak ada kemudahan asrama seperti sekarang tetapi pihak sekolah menyediakan tanah lebih kurang 10 kaki x 8 kaki untuk para pewaris pelajar mendirikan pondok kecil yang mempunyai empat atau enam tiang. Pondok ini juga dapat dijadikan tempat tidur dan tempat memasak. Pelajar yang menuntut di situ datang dari seluruh pelosok Semenanjung Tanah Melayu. Suatu hal yang menarik bagi pelajar di pondok berkenaan ketika itu ialah uniform mereka agak berbeza daripada pakaian yang biasa dipakai oleh pelajar sekolah-sekolah pondok yang lain. Kebiasaannya pada 'zaman' itu, semua pelajar sekolah pondok diwajibkan memakai kopiah atau ketayap putih (kopiah lebai) dan berkain sarung. Itulah senario biasa mengenai pakaian pelajar sekolah pondok di mana-mana pun ketika itu. Namun, di sekolah DMW, pakaian pelajarnya boleh dikatakan berada jauh ke hadapan atau agak advance apabila pelajarnya memakai seluar putih dan bersongkok.

Sekolah DMW yang didirikan oleh Sheikh Haji Abdullah Fahim ini pula merupakan sekolah Arab moden, meskipun ia masih kekal dengan penginapan di pondok-pondok kecil. Setiap tahun sekolah pondok ini menganjurkan Majlis Ihtifal yang mirip kepada Hari Ibu Bapa atau Hari PIBG sekarang. Ibu bapa dari seluruh negara akan berkampung di sini. Selain menyampaikan hadiah-hadiah kepada pelajar yang cemerlang, majlis itu digahkan dengan penceramah handalan peringkat kebangsaan yang memberikan kesedaran serta semangat perjuangan bagi menuntut kemerdekaan.

Sungguhpun Sheikh Abdullah Fahim memperkenalkan sistem sekolah sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, tetapi beliau meneruskan juga sistem-sistem lama pengajian umum yang diberikannya di masjid. Sistem ini ialah pengajian dalam bentuk mentelaah atau meneliti kitab-kitab turath yang ditulis pada zaman permulaan Islam, terutama kitab-kitab tafsir, hadis, fikah, tauhid, falak dan lain-lain.

Sistem ini masih kekal hingga sekarang di Mekah. Jemaah haji akan dapat melihat para guru dan alim ulama duduk di atas kerusi dalam Masjid al-Haram selepas solat Maghrib dan memberikan kuliah mengikut kitab-kitab yang dipilih.

Perjuangan untuk menegakkan syiar Islam bukanlah mudah kerana ia terpaksa menghadapi pelbagai cabaran. Ada kalanya pejuang gugur bukan kerana perjuangannya tetapi kerana faktor lain seperti ganjaran tertentu. Namun begitu, Sheikh Abdullah Fahim memiliki sifat yang tegas dan ini tidak menyebabkan beliau hilang pedoman.

Dilantik menjadi mufti Pulau Pinang yang pertama pada awal tahun 1950

Sheikh Haji Abdullah Fahim adalah orang yang pertama dilantik menjadi Mufti Negeri Pulau Pinang selepas merdeka. Beliau menyandang jawatan itu selama lima tahun.

Tidak dapat disangkalkan bahawa kepakaran ilmu beliau dalam ilmu Falak. Abdullah Fahim termasuk adalah salah seorang ulama yang mahir dalam ilmu falak. Oleh kerana itu pendapatnya telah diminta untuk menentukan waktu yang sesuai bagi kemerdekaan Malaya.

Berdasarkan hisab dan falak Syeikh Abdullah Fahim, ditentukanlah bahawa hari kemerdekaan Malaya jatuh pada tanggal 31 Ogos 1957. Mengenai ilmu hisab dan falak, beliau mempelajarinya daripada Syeikh Ahmad al-Fathani dan kemudian memahirkannya daripada Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Muhammad atau Syeikh Nik Mat Kecil bin Ismail Daudi al-Fathani, sahabatnya.

Politik

Selain bidang akademik, Sheikh Haji Abdullah Fahim juga menyertai bidang politik. Penyertaan ini menyebabkan beliau kemudiannya muncul sebagai ahli politik yang terkemuka dan sering menyumbangkan pemikiran yang bernas serta tajam dalam bidang berkenaan. Selain bidang akademik, Sheikh Haji Abdullah Fahim juga menyertai bidang politik. Penyertaan ini menyebabkan beliau kemudiannya muncul sebagai ahli politik yang terkemuka dan sering menyumbangkan pemikiran yang bernas serta tajam dalam bidang berkenaan. Peranan Syeikh Abdullah Fahim tidak terhad dalam bidang keilmuan Islam semata-mata, bahkan turut sama dalam bidang politik apabila beliau turut memainkan peranan dalam meniup semangat kebangsaan Tanah Melayu dengan menubuhkan Persatuan Melayu Seberang Prai sebagai wadah menentang Malayan Union. Beliau juga turut mengabungkan persatuan yang diterajunya di bawah satu lambang perjuangan politik nasional iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada 11 Mei 1946. Mengikut sejarah, Sheikh Ibrahim dan anaknya, Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim pernah dilantik sebagai ahli lembaga Masjid alHaram. Sewaktu berada di Mekah, Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah Fahim mengambil kesempatan mempelajari ilmu politik Islam dan antarabangsa.

Selain itu, Sheikh Haji Abdullah Fahim adalah salah seorang daripada ulama yang tegas dan sangat prihatin kepada perpecahan umat Islam. Beliau memberikan nasihat kepada orang Melayu supaya jangan mengikut ajaran Khawarij yang mencetuskan perbalahan di kalangan umat

Islam apabila mereka keluar dan berpisah daripada kepimpinan Saidina Ali RA. Beliau juga pernah menunjukkan tindakan tegas dengan meninggalkan majlis yang menyerang dan memperkecilkan orang Melayu yang berpegang kepada mazhab Shafie.

Beliau pernah melaungkan slogan “Hidup Melayu” dan menyarankan agar semangat kemelayuan ditanam di dalam diri penduduk di Tanah Melayu dan Indonesia kerana kedua-duanya bagaikan saudara kembar. Kelantangan Sheikh Haji Abdullah Fahim dalam perkara sebegini menjadikan keterlibatan beliau secara langsung dengan gerakan menuntut kemerdekaan bukan suatu perkara yang asing, malahan sentiasa memberikan galakan kepada anaknya Haji Ahmad yang terkenal dengan nama Ahmad Badawi supaya menyertai gerakan politik dan kemudiannya bergerak cergas sebagai Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaya sebelum meninggal dunia pada 7 Mei 1977.

Sheikh Haji Abdullah Fahim pernah merayu supaya orang Melayu berpegang teguh dengan semangat perpaduan ummah dan bersatu padu dalam satu kesatuan bangsanya. Beliau juga kerap meminta orang Melayu supaya menjauhkan diri daripada golongan yang mengeluarkan hukum-hakam yang tidak selari dengan mazhab Shafie dan terkeluar daripada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Beliau sangat berharap mana-mana puak atau kumpulan yang berselisih pendapat mengenai sesuatu perkara atau permasalahan agama supaya mengambil jalan perdamaian dan kembali bersatu agar keretakan yang kecil tidak menjadi perpecahan, yang besar serta memudaratkan kesatuan agama serta bangsa.

Kelantangan Sheikh Haji Abdullah Fahim dalam perkara sebegini menjadikan keterlibatan beliau secara langsung dengan gerakan menuntut kemerdekaan bukan suatu perkara yang asing, malahan sentiasa memberikan galakan kepada anaknya Haji Ahmad yang terkenal dengan nama Ahmad Badawi supaya menyertai gerakan politik dan kemudiannya bergerak cergas sebagai Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaya sebelum meninggal dunia pada 7 Mei 1977.

Ramai yang tidak menyedari, bahawa Sheikh Haji Abdullah Fahim memiliki keistimewaan yang sangat mengagumkan iaitu bijak dan tajam pemikiran dalam meramalkan sesuatu. Buktinya apabila beliau meramalkan bahawa Tanah Melayu akan merdeka pada tahun 1957 kerana pada hematnya, perjuangan menuntut kemerdekaan pada ketika itu sebagai “buah yang telah masak”.

Selain itu, antara keistimewaan yang dimiliki oleh beliau adalah mempunyai karamah yang wujud petunjuk yang diterima olehnya menerusi ilham, firasat atau ketajaman hati³⁸. Antara karamah yang dapat dilihat adalah tarikh menentukan hari kemerdekaan Negara iaitu pada 31 Ogos 1957 dan beberapa kejadian ganjil seperti yang diceritakan oleh dua orang yang rapat dengannya iaitu Setiausaha Politik kepada Menteri Luar Malaysia, Encik Abdul Fatah bin Abdullah, anak jati Kepala Batas dan rapat dengan keluarga Abdullah. Tarikh inilah yang kini dirayakan setiap tahun oleh seluruh rakyat Malaysia yang menghargai erti kemerdekaan. Mungkin ramai yang tidak mengetahui bahawa tarikh kemerdekaan tanah air, Malaya telah di tentukan mungkin juga tidak ramai yang mengetahui bahawa pada pertemuan membincangkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu itu, Abdullah Fahim memberitahu Tunku selepas 5 tahun Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan, negara ini akan bertukar namanya. Ramalan yang dibuat berdasarkan ilmu firasat yang beliau miliki itu ternyata benar apabila dengan kehendak Allah jua, Tanah Melayu bertukar namanya kepada Malaysia 5 tahun selepas kemerdekaannya.

Ketokohan yang ada pada dirinya ia menyebabkan beliau sangat di hormati oleh sultan-sultan Melayu pada masa itu seperti Sultan Perak, Sultan Pahang, Sultan Kedah, Sultan Kelantan dan Raja Perlis. Katanya pada tahun 1920an semasa sheikh Abdullah Fahim sedang beribadat dalam masjid Kepala Batas, sekumpulan Cina dalam sebuah kedai di seberang jalanraya tidak jauh dari masjid mengadakan minum-minum, menyanyi dan keadaan menjadi riuh rendah. Beliau

kemudiannya bangun dan merenung ke arah orang Cina yang membuat bising sambil mulutnya menyebut, “masya Allah” beberapa kali. Sebentar kemudian dengan tiba-tiba datang rebut dan pokok besar berhampiran rumah kedai tersebut tumbang dan menghempap sebahagian rumah kedai itu.

Kehebatan beliau tidak terhenti di situ sahaja, malahan cukup terkenal dengan kebolehan berpidato dan beliau sendiri merupakan seorang pejuang sejati UMNO. Menurut bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kawasan Bertam, Datuk Mohd Noor Ahmad, terdapat dua cadangan penting yang dikemukakan oleh Sheikh Abdullah Fahim yang diterima pakai oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, dengan mencadangkan supaya:

1. Rombongan ke London yang menuntut kemerdekaan daripada British yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman itu janganlah pergi dengan kapal terbang tetapi hendaklah pergi dengan kapal laut supaya mereka mempunyai masa yang panjang dan mencukupi untuk berbincang di antara satu sama lain.
2. Menetapkan 31 Ogos 1957, sebagai hari kemerdekaan bagi Tanah Melayu (Malaysia). Ini adalah mengikut perkiraan Sheikh Haji Abdullah Fahim yang cukup terkenal sebagai seorang ahli falak.
3. Hj. Abdullah adalah tokoh yang menentukan tarikh kemerdekaan, iaitu 31 Ogos, 1957, bagi Malaya. Menurut ramalannya, tarikh itu adalah sesuai untuk diisytiharkan kemerdekaan. Walau bagaimanapun, penglibatannya dalam politik kepartian tidaklah lama. Menjelang Pilihan Raya Umum tahun 1955, beliau langsung meninggalkan dunia politik.

Hj. Abdullah adalah tokoh yang menentukan tarikh kemerdekaan, iaitu 31 Ogos, 1957, bagi Malaya. Menurut ramalannya, tarikh itu adalah sesuai untuk diisytiharkan kemerdekaan. Walau bagaimanapun, penglibatannya dalam politik kepartian tidaklah lama. Menjelang Pilihan Raya Umum tahun 1955, beliau langsung meninggalkan dunia politik. Kesetiaan beliau terhadap perjuangan bangsa tidak ternilai harganya. Cintanya kepada perjuangan UMNO adalah cinta sejati, tidak pernah mengeluh malah gagah mencurahkan tenaga dan pemikiran sebagai Pengerusi Jawatankuasa Agama pada awal penubuhan UMNO lagi.

Semangat memperjuangkan nasib bangsa dan agama diperjuangkan sehingga saat kematiannya. Bahkan menurut satu sumber daripada Datuk Mohd Noor Ahmad, ketika Sheikh Haji Abdullah Fahim menghembuskan nafasnya yang terakhir, lencana UMNO masih terlekat pada bajunya.

Ekoran beberapa krisis dalaman Umno berkaitan sikap Umno terhadap isu-isu agama seperti isu judi loteri, fun-fair, kabaret, isu pemurtadan Natrah dan lain-lain, Haji Abdullah telah berundur sebagai Pengerusi Bahagian Agama pada 1950.

Selepas itu, jawatan ini diambil alih oleh muridnya, Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan. Walaupun Haji Abdullah tidak menyertai dua Persidangan Alim Ulamak Malaya pada 1950 dan 1951, tetapi beliau menghantar anaknya, Haji Ahmad Badawi untuk menyertainya. Apabila Persatuan Ulamak Se-Malaya ditubuhkan di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951, persatuan tersebut telah merancang mengadakan Persidangan Ulamak di Butterworth pada 24 November 1951 untuk meluluskan undang-undang tubuh dan melantik jawatankuasanya. Haji Abdullah Fahim sebagai Mufti Pulau Pinang telah merasmikan persidangan ini yang akhirnya telah mengambil keputusan menukar nama Persatuan Ulama Se-Malaya kepada Persatuan Islam Se-Malaya (PAS).

Haji Abdullah Fahim sendiri dicalon sebagai Yang Dipertua Agung PAS tetapi tewas kepada Tuan Haji Ahmad Fuad. Sebaik sahaja PAS ditubuhkan, Madrasah Daeratul Maarif telah dipilih sebagai Pejabat Agung PAS yang pertama sebelum berpindah ke Bukit Mertajam. Selepas itu ia kembali ke madrasah ini pada 1953 sebelum menumpang beberapa ketika di rumah Setiausaha Agung PAS, Haji Ahmad Maliki iaitu berhampir madrasah ini juga. Kerana penyertaan Haji Abdullah dalam PAS, hampir seluruh murid dan keluarganya menjadi tenaga penting PAS.

Karya dan Pemikirannya

Karya-karya hasil tulisan Abdullah Fahim yang paling dapat ditonjolkan hanyalah melalui syair-syairnya dalam bahasa Arab. Antaranya dalam kitab al-Hadiqah an-Nadiyah fi al-Hadits an-Nabawiyah yang disusun oleh Abi Abdil Hay Muhammad Isa bin Ibrahim ar-Rawa al-Filfulani (Rabiulakhir 1352 H). Karya-karya hasil tulisan Abdullah Fahim yang paling dapat ditulis di dalam beberapa buah kitab yang diterbitkan oleh Persama Press Pulau Pinang, terutama sekali di dalam kitab-kitab mengenai ilmu hadis. Ada yang mengatakan bahawa Abdullah Fahim pernah menyusun sebuah kitab Tafsir dan kitab mengenai ilmu falak tetapi tidak sempat diselesaikan.

Mengenai pegangannya di dalam tasawuf, beliau menulis, “ilmu tasawuf atas perjalanan al-Imam al- Ghazali diambil daripada Minhaj al-Abidin, Ihya’ Ulumid, Din. Didalam tasawuf beliau juga memartabatkan pengkaryaan ulamak Melayu. Katanya, “Dan terjemahnya kepada bahasa Melayu, seperti Siyar as- Salikin. Sheikh Haji Abdullah Fahim pernah merayu supaya orang Melayu berpegang teguh dengan semangat perpaduan ummah dan bersatu padu dalam satu kesatuan bangsanya. Beliau juga kerap meminta orang Melayu supaya menjauhkan diri daripada golongan yang mengeluarkan hukum-hakam yang tidak selari dengan mazhab Shafie dan terkeluar daripada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Beliau sangat berharap mana-mana puak atau kumpulan yang berselisih pendapat mengenai sesuatu perkara atau permasalahan agama supaya mengambil jalan perdamaian dan kembali bersatu agar keretakan yang kecil tidak menjadi perpecahan, yang besar serta memudaratkan kesatuan agama serta bangsa.

Alam Melayu sebenarnya dianugerahkan oleh Allah SWT dengan suatu kekayaan luar biasa. Kekayaan yang dimaksudkan itu bukan semata-mata berasaskan kekayaan fizikal tetapi juga kekayaan istimewa yang membasahi bumi bertuah ini, menjelma dalam bentuk amat unik. Ia wujud dalam bentuk khazanah ilmu yang disalurkan melalui pemikiran alim ulama yang sejati.

PENUTUP

Di sini dapat dirumuskan bahawa ulama yang mempunyai pandangan serta wawasan jauh dari Seberang Prai, Pulau Pinang itu ialah Tuan Guru Sheikh Abdullah bin Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Sheikh Haji Abdullah Fahim. Beliau adalah seorang tokoh ulama dan pendidik yang gigih serta banyak menabur jasa yang besar terhadap perkembangan Islam dan kemajuan sosial serta politik di negara ini. Semangat ingin mempelajari pelbagai ilmu, termasuk kepimpinan, kemasyarakatan dan politik membuktikan beliau bukanlah seorang ulama yang statik. Sebaliknya ia membuktikan sifat ulama yang dinamis.

Moga-moga sumbangannya dan dedikasinya itu menjadi inspirasi kepada golongan pemimpin dan rakyat Muslim yang terkemudian amnya dan justeru itu mereka tidak leka dan hanyut atau terjebak dengan cengkaman materialisme yang semakin mencabar. Penulisan ini juga dapat melahirkan rasa menghargai tokoh yang banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat

dan diharapkan tokoh agama ini akan lebih dikenali oleh seluruh masyarakat setempat dan masyarakat Malaysia.

RUJUKAN

- Azman Ab Rahman., Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Zahari Mahad Musa & Adel M Abdul Aziz. Biografi Mufti- Mufti Malaysia. (2008). Ampang Press. Kuala Lumpur Malaysia. ISBN 978-983-2950-81-3.
- Fadhlullah Jamil. Hj. Abdullah Fahim: Tokoh Agama Dari Pulau Pinang. http://eprints.usm.my/31310/1/Tokoh_Agama_Dari_Pulau_Pinang.pdf @3.10.2019
- Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof, Dato' Haji (2004). Kisah Abdullah Fahim. Pulau Pinang: Majlis Bicara Sejarah Tokoh Ulama Haji Abdullah Fahim 27 Mac 2004.
- Nor Azam Md Noor. (2010). Warisan Falak Sheik Abdullah Fahim. m/s 1-36. Capaian@ <http://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-48-39/kertas-kerja-seminar/kertas-kerja-ilmu-falak/76-warisan-falak-syeikh-abdullah-fahim/file>
- Syed Muhammad Dawilah.,Nik Haslinda Nik Hussin.(2007). Syeikh Abdullah Fahim: Tokoh Intelek Melayu dan Pejuang Kemerdekaan. E- book. ISBN 978-983-3963-50-9
- Tokoh Negara Malaysia. <http://penatokoh.blogspot.com/2014/02/sheikh-abdullah-fahim.html> @ capaian pada 3/10/2019 @ 10am.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (2009). Ulamak Nusantara.